

**PENYESUAIAN, MOTIVASI PENCAPAIAN DAN PENCAPAIAN AKADEMIK
PELAJAR DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH:
SEBUAH KAJIAN KES**

MEGALAH A/P KRISHNAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengukur hubungan antara penyesuaian dan motivasi pencapaian dengan pencapaian akademik dan hubungan penyesuaian dan motivasi pencapaian antara jantina. Seramai 105 orang pelajar Tingkatan Satu daripada sebuah sekolah menengah telah dipilih dengan kaedah persampelan bertujuan untuk menjadi responden kajian. Data dipungut menggunakan instrumen Skala Penyesuaian Bell yang merangkumi dua elemen iaitu penyesuaian rumah dan penyesuaian emosi. Skala Motivasi Pencapaian Ray digunakan untuk mengukur tahap motivasi pencapaian pelajar. Pencapaian akademik pelajar diukur berdasarkan Gred Purata Markah. Data kajian ini dianalisis menggunakan statistik deskriptif, iaitu Peratusan, Kekerapan, Sisihan Piawai dan Min serta statistik inferensi iaitu ujian Korelasi Pearson dan ujian-t. Analisis Korelasi Pearson menunjukkan penyesuaian rumah mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi pencapaian. Hasil ujian-t menunjukkan tahap penyesuaian rumah dan penyesuaian emosi pelajar lelaki lebih tinggi berbanding pelajar perempuan, tetapi tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap motivasi pencapaian antara jantina. Walau bagaimanapun, tahap penyesuaian emosi pelajar adalah rendah, khususnya pelajar perempuan. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa penyesuaian emosi mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik, manakala motivasi pencapaian mempunyai hubungan negatif yang signifikan ke atas pencapaian akademik. Dapatan kajian ini menyokong kepentingan penyesuaian dan motivasi pencapaian dalam membantu meningkatkan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

**ADJUSTMENT, ACHIEVEMENT MOTIVATION AND ACADEMIC
ACHIEVEMENT OF STUDENTS IN A SECONDARY SCHOOL:
A CASE STUDY**

ABSTRACT

The purpose of this study was to measure the relationship between adjustment and achievement motivation with academic achievement as well as comparison of adjustment and achievement motivation by gender. A total of 105 form one students from a secondary school were selected by using purposive sampling. Data was collected using the Bell Adjustment Scale instrument which comprised two elements, namely home adjustment and emotional adjustment. Ray Achievement Motivation Scale was used to measure students' achievement motivation. The academic achievement was measured by the Grade Point Average Score. Data was analyzed using descriptive statistics of Percentage, Frequency, Mean and Standard Deviation and inferential statistics of the Pearson Correlation test and t-test. Pearson Correlation analysis showed that home adjustment has a significant relationship with achievement motivation. The t-test results showed that the level of emotional adjustment and home adjustment of boys were higher than girls, but there was no significant difference in achievement motivation by gender. However, the level of emotional adaptation is low, especially among girls. In addition, the study also shows that emotional adjustment has a significant relationship with academic achievement, and achievement motivation has a significant negative relationship to academic achievement. The findings of this study support the importance of adjustment and achievement motivation in improving academic achievement among secondary school students.

KANDUNGAN

		Muka Surat
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		x
SENARAI JADUAL		xi
SENARAI RAJAH		xii
SENARAI SINGKATAN		xiii
SENARAI SIMBOL		xiv
BAB 1	Pengenalan	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Objektif Kajian	12
1.5	Soalan Kajian	13
1.6	Kepentingan kajian	13
1.7	Batasan Kajian	14
1.8	Kerangka Kajian	15
1.9	Hipotesis Kajian	16

1.10	Definisi Pemboleh ubah Utama Kajian	18
1.10.1	Penyesuaian	18
1.10.2	Motivasi Pencapaian	21
1.10.3	Pencapaian Akademik	24
1.11	Pendekatan Teori	24
1.11.1	Teori Penyesuaian Schneiders	25
i.	Konsep Asas Teori Penyesuaian	25
ii.	Elemen Utama Penyesuaian	26
iii.	Ciri Penyesuaian	28
iv.	Jenis Penyesuaian	30
v.	Penyesuaian Positif	31
vi.	Salah Penyesuaian	32
vii.	Faktor Mempengaruhi Penyesuaian	33
viii.	Rumusan	38
1.11.2	Teori Motivasi Pencapaian McClelland	40
i.	Ciri Individu Bermotivasi Pencapaian Tinggi	42
ii.	Ciri Individu Bermotivasi Pencapaian Rendah	45
iii.	Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Pencapaian	45
iv.	Kesan Motivasi yang Keterlaluan Terhadap Pencapaian	48
v.	Rumusan	48
1.12	Kesimpulan	50

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	51
2.2	Kajian tentang Hubungan antara Penyesuaian dengan Motivasi Pencapaian	52
2.3	Kajian tentang Hubungan antara Penyesuaian dengan Pencapaian Akademik	61
2.4	Kajian tentang Hubungan antara Motivasi Pencapaian dengan Pencapaian Akademik	73
2.5	Kesimpulan	77

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	78
3.2	Kaedah Kajian	79
3.3	Tempat Kajian	79
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	80
3.5	Instrumen Kajian	82
3.5.1	Skala Penyesuaian Bell	82
3.5.2	Skala Motivasi Pencapaian Ray	85
3.5.3	Maklumat Diri	86
3.5.4	Markah Ujian Bulanan	87
3.6	Kajian Rintis	87
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	90
3.8	Analisis Data	91
3.9	Kesimpulan	92

BAB 4 DAPATAN DAN ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	93
4.2	Profil Sampel Kajian	93
4.3	Analisis Deskriptif	95
4.3.1	Tahap Skor Penyesuaian	96
4.3.2	Tahap Motivasi Pencapaian	96
4.3.3	Tahap Pencapaian Akademik	97
4.4	Analisis Inferensi	97
4.4.1	Hubungan antara Penyesuaian dengan Motivasi Pencapaian	97
4.4.2	Perbezaan Penyesuaian Mengikut Jantina	98
4.4.3	Perbezaan Motivasi Pencapaian Mengikut Jantina	100
4.4.4	Hubungan antara Penyesuaian dengan Pencapaian Akademik	100
4.4.5	Hubungan antara Motivasi Pencapaian dengan Pencapaian Akademik	101
4.5	Kesimpulan	102

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	103
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	103
5.2.1	Hubungan antara Penyesuaian dengan Motivasi Pencapaian	104
5.2.2	Perbezaan Penyesuaian Mengikut Jantina	108
5.2.3	Perbezaan Motivasi Pencapaian Mengikut Jantina	111


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI F
5.2.4	Hubungan antara Penyesuaian dengan Pencapaian Akademik	113
5.2.5	Hubungan antara Motivasi Pencapaian dengan Pencapaian Akademik	117
5.3	Implikasi Teoritikal	119
5.4	Implikasi Praktikal	121
5.5	Cadangan untuk Kajian Lanjut	122
5.6	Ringkasan Kajian	124
5.7	Kesimpulan	126
RUJUKAN		128
LAMPIRAN A	Soal Selidik Kajian	
LAMPIRAN B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pendidikan	
LAMPIRAN C	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari Jabatan Pendidikan Negeri Perak	

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Taburan Sampel Kajian Mengikut Jantina	81
3.2 Skala Pemarkatan Penyesuaian Rumah	84
3.3 Skala Pemarkatan Penyesuaian Emosi	85
3.4 Skala Pemarkatan Motivasi Pencapaian	86
3.5 Pekali Alfa Cronbach	88
3.6 Nilai Alfa Instrumen Kajian	89
4.1 Analisis Ujian-t Bagi Penyesuaian Rumah Mengikut Jantina	99
4.2 Analisis Ujian-t Bagi Penyesuaian Emosi Mengikut Jantina	99
4.3 Analisis Ujian-t Bagi Motivasi Pencapaian Mengikut Jantina	100

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1	Kerangka Kajian 16
4.1	Taburan Bilangan dan Peratusan Sampel Kajian Berdasarkan Gred Purata Markah 95



SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
GPM	Gred Purata Markah
ISM	Institut Sosial Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MANCOVA	<i>Multivariate Analysis of Covariance</i>
MANOVA	<i>Multivariate Analysis of Variance</i>
NLSY	<i>National Longitudinal Survey of Youth</i>
OCED	<i>Organisation for Economic Corporation and Development</i>
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PISA	<i>Programme International Student Assessment</i>
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
TAT	<i>Thematic Apperception Test</i>
TIMSS	<i>Trends in International Mathematics and Science Study</i>
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
WHO	<i>World Health Organization</i>

SENARAI SIMBOL

df	Darjah kebebasan
M	Min
n	Saiz sampel
p	Nilai signifikan
r	Pekali korelasi Pearson
SD	Sisihan piawai
t	Nilai t-kiraan
%	Peratus

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini dimulakan dengan latar belakang kajian dan pernyataan permasalahan kajian. Berdasarkan pernyataan masalah kajian dikemukakan tujuh objektif kajian. Berikut dikemukakan persoalan kajian dan kepentingan kajian dari aspek teori dan amali yang diikuti dengan batasan kajian. Setelah itu, berdasarkan maklumat-maklumat tersebut dicadangkan satu kerangka konsep kajian. Kemudian, sebanyak lima hipotesis utama dikemukakan. Seterusnya, semua pemboleh ubah utama dalam kajian ini, iaitu penyesuaian, motivasi pencapaian dan pencapaian akademik didefinisikan secara konseptual dan operasional. Pada akhir bab ini, pendekatan teori yang mendasari kajian ini dibincangkan. Pemahaman mengenai teori-teori ini akan

memudahkan pemahaman latar belakang masalah penyesuaian pelajar dari sudut psikologi dan sosial.

1.2 Latar Belakang Kajian

Laporan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO, 1952) berdasarkan kajian Mauco (1952) mendedahkan masalah penyesuaian dan pencapaian akademik pelajar telah lama wujud, manakala hasil kajian Mohanraj dan Latha (2005) telah memberi sinergi baru dan mengembalikan keperluan dan kepentingan kajian ini dijalankan. Pencapaian akademik merupakan kayu ukur kejayaan diri seseorang pelajar. Hal ini disebabkan pencapaian akademik merupakan faktor penting dalam pembelajaran dan perkembangan diri serta perkembangan kerjaya dan perancangan hidup (Johnson, 2008). Pencapaian pelajar dalam akademik menjadi kayu pengukur utama dalam menentukan keberkesanan dan kejayaan sistem pendidikan. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian OECD (*Organisation for Economic Corporation and Development*) tentang PISA (*Programme International Student Assessment*, 2012) juga menunjukkan bahawa pencapaian pelajar dan kedudukan negara adalah agak tidak memberangsangkan mengikut piawaian antarabangsa ("PISA 2015," 2013).

Mauco (1952) juga berpendapat bahawa pencapaian akademik yang rendah tidak semestinya menunjukkan kapasiti mental pelajar yang rendah tetapi hanya mencerminkan keadaan persekitaran yang tidak memuaskan termasuk keadaan di rumah dan di sekolah. Dapatan kajian tersebut menunjukkan masalah penyesuaian

mempunyai kesan langsung terhadap pencapaian akademik pelajar. Menurutnya, antara faktor yang mempengaruhi penyesuaian pelajar ialah pencapaian akademik, keadaan keluarga, tingkah laku, perwatakan, latar belakang dan perkembangan emosi. Selain itu, Schneiders (1965) juga menjelaskan bahawa penyesuaian merupakan satu proses sepanjang hayat kerana setiap individu akan menghadapi dan menangani tekanan serta cabaran secara terus-menerus dalam setiap fasa kehidupan untuk mencapai kesejahteraan hidup.

Justeru, kesan ketidakstabilan persekitaran di rumah ke atas anak-anak dijangka akan lebih serius sekiranya anak-anak gagal membuat penyesuaian diri dengan baik. Dengan demikian keluarga merupakan sistem sosial yang utama bagi setiap anak-anak. Mereka belajar pelbagai kemahiran seperti pengurusan diri, pengendalian emosi dan komunikasi sosial dari sehari ke sehari melalui interaksi di rumah. Dengan kata lain, pertumbuhan serta perkembangan anak-anak bergantung kepada keadaan di rumah dan keluarga. Oleh sebab itu, tidak hairanlah apabila kajian-kajian lepas menunjukkan kanak-kanak yang datang daripada persekitaran rumah yang bermasalah biasanya menunjukkan pelbagai masalah dari segi emosi, tingkah laku dan sosial (Habibah Elias et al., 2007).

Dalam menghadapi tekanan dan cabaran dalam kehidupan, misalnya suasana di rumah yang tidak menyokong perkembangan anak-anak telah menuntut mereka agar bijak membuat penyesuaian yang sewajarnya. Sekiranya mereka gagal membuat penyesuaian yang baik perkembangan diri mereka akan terjejas, yakni mereka akan mengalami kesukaran untuk menumpukan perhatian dalam bidang akademik. Hal ini akan memburukkan lagi perkembangan mereka khususnya dari segi emosi kerana

kejayaan akademik dan sosial adalah sumber utama untuk anak-anak memperoleh keyakinan dan harga diri. Marden (2006) juga berpendapat bahawa persekitaran dan hubungan kekeluargaan merupakan aspek penting dalam penentuan cita-cita dan pencapaian seseorang.

Fenomena ini jelas menunjukkan bahawa masalah penyesuaian mempengaruhi pencapaian akademik pelajar masa kini. Justeru, dalam kajian ini elemen penyesuaian rumah, penyesuaian emosi dan pencapaian akademik pelajar perlu diberi keutamaan. Penyesuaian rumah berkait dengan peranan dan tanggungjawab, khususnya ibu bapa. Sementara itu, penyesuaian emosi pula adalah berhubung dengan kesejahteraan diri, keharmonian keluarga dan personaliti pelajar.

1.3 Pernyataan Masalah

Pada umumnya semua pelajar menginginkan pencapaian akademik yang baik. Malahan, pencapaian akademik yang cemerlang merupakan satu harapan bagi golongan ibu bapa, guru dan pihak sekolah. Namun begitu, bukan semua pelajar yang mampu mencapai sasaran tersebut. Walaupun terdapat golongan pelajar yang cemerlang dalam pencapaian akademik, tetapi masih ada sebilangan besar pelajar yang sederhana tahap pencapaian mereka dan yang lebih malang lagi pelajar-pelajar yang gagal dan yang tercicir. Kelemahan dalam pencapaian akademik bukan sahaja mempengaruhi aspek pendidikan individu pelajar itu sendiri, malah dikhuatiri memberi kesan terhadap peribadi dan akhlak mereka (Hamidah Sulaiman, Siti Salina Abdullah, & Farrah Dina Yusop, 2004).

Seterusnya, jurang antara tahap pencapaian akademik pelajar menimbulkan persoalan tentang sebab dan akibat wujudnya keadaan ini. Hakikatnya semua golongan pelajar ini belajar di sekolah yang sama. Apakah masih terdapat golongan pelajar yang belum mengenal erti hidup ataupun gagal menjana potensi diri untuk mencapai kesejahteraan dan kemakmuran diri? Seterusnya perbezaan individu ini menarik minat pengkaji untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar. Hal ini disebabkan pencapaian akademik bukan sahaja menunjukkan tahap penguasaan akademik tetapi juga dipengaruhi oleh pelbagai konteks lain (Pershey, 2010).

Zuraidah Abdul Rahman (1999) juga menjelaskan terbentuknya personaliti seseorang individu adalah hasil daripada interaksi dengan orang lain, lebih-lebih lagi mereka yang bermakna dalam hidupnya. Santrock (2009) berpendapat bahawa ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam pembentukan dan perkembangan diri anak-anak sejak dari dalam kandungan lagi dan kesannya dapat dilihat hingga ke peringkat dewasa. Menurutnya, keakraban ibu bapa dengan anak-anak khususnya dalam proses afektif memberi kesan positif kepada keupayaan anak-anak mengikuti proses pembelajaran. Abd. Razak Zakaria dan Norani Mohd Salleh (2011) juga menyatakan bahawa penerimaan ibu bapa terhadap keupayaan anak-anak dan kesanggupan untuk membantu dan berbincang dalam proses meningkatkan kecemerlangan anak-anak di samping memperlihatkan keprihatinan ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan anak-anak.

Hasil kajian Cadmus-Romm (2004) mendapati bahawa pengabaian emosi dan penolakan ibu bapa memberi kesan negatif kepada harga diri, penyesuaian dan

pencapaian akademik anak-anak. Tindakan sedemikian juga didapati mempengaruhi tingkah laku anak-anak pada masa akan datang. Hawa Rahmat (2011) juga berpendapat bahawa pengabaian tanggungjawab keluarga oleh ibu bapa dan sistem pendidikan yang terlalu berorientasikan peperiksaan melahirkan pelajar yang tidak matang. Selain itu, sebahagian besar tekanan yang dialami pelajar disumbangkan oleh kegagalan fungsi institusi keluarga, kegagalan ibu bapa mengesan kehendak dan keperluan anak-anak serta tahap keyakinan diri pelajar yang rendah (Zuhaida Abdul Jalil, 2011).

Justeru, banyak kajian yang menunjukkan bahawa gaya keibubapaan yang berbeza amalannya menyumbang kepada kejayaan anak-anak dalam aspek akademik, kerjaya dan juga akhlak yang mulia. Terdapat hasil kajian yang mendedahkan cara gaya keibubapaan turut menyumbang kepada masalah tingkah laku anak sehingga terjebak dalam jenayah dan ketidakstabilan perkembangan psikologi (Yasmin Norhazleena Bahri & Tuan Nurizan Raja Yunus, 2011).

Sehubungan itu, Habibah Elias et al. (2007) juga menyatakan bahawa kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa anak-anak dari keluarga yang pincang akan menunjukkan pelbagai masalah dari segi emosi, akademik, tingkah laku dan sosial. Ketidakstabilan di rumah melahirkan kanak-kanak yang rendah diri, tiada keyakinan diri dan berasa tidak selamat. Keadaan ini mengakibatkan kanak-kanak tersebut sukar untuk menumpukan perhatian dalam bidang akademik mahupun hubungan sosial. Menurutny, kejayaan akademik dan sosial merupakan sumber utama untuk kanak-kanak memperoleh keyakinan dan harga diri pada usia awal.

Senario ini menunjukkan bahawa pembelajaran yang berkesan juga bergantung kepada proses penyesuaian dan perkembangan emosi pelajar. Noraini Abdul Raop dan Nor Ba' Yah Abdul Kadir (2011) berpendapat bahawa semakin baik seseorang itu dapat mengawal emosinya maka semakin besarlah potensinya untuk menghindari tekanan dan menikmati hidup. Emosi yang tidak stabil seperti marah, geram, tertekan dan dendam akan mendorong pelajar untuk melepaskan geram dan melakukan pelbagai tingkah laku devian untuk melepaskan rasa tekanan (Muhammed Sharif Mustaffa & Suria Abd. Jamil, 2012). Emosi mempengaruhi tanggapan seseorang terhadap seseorang dan juga terhadap alam sekeliling, seterusnya menentukan corak penyesuaian yang akan diambil dalam kehidupan seseorang (Abdullah Sani Yahaya, 2006).

Oleh yang demikian, penyesuaian merupakan salah satu faktor penting yang mempengaruhi kesihatan mental golongan awal remaja. Berdasarkan *World Health Organization* (WHO, 2005) kesihatan mental menggambarkan kesejahteraan diri individu seperti kesedaran tentang keupayaan diri, boleh menangani tekanan hidup yang normal, boleh bekerja secara produktif dan mampu memberi sumbangan kepada masyarakat. Menurut Kapphahn dan Klein (2009), masalah kesihatan mental boleh mengakibatkan prestasi pencapaian yang rendah, keciciran sekolah, hubungan keluarga yang tegang, kes melibatkan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat atau kes juvana, penyalahgunaan dadah dan salah laku seks yang berisiko dalam kalangan remaja. Oleh yang demikian, perubahan fizikal dan emosi yang berlaku pada peringkat awal remaja, faktor keluarga ataupun pengaruh keadaan di sekeliling yang negatif serta pergaulan yang tidak dikawal adalah antara faktor yang menjejaskan kesihatan mental pelajar dan mengakibatkan perbuatan menyimpang.

Hal ini diperkukuhkan oleh hasil kajian Kementerian Kesihatan yang menunjukkan lebih 27 peratus atau 1,765 daripada 6,540 orang pelajar daripada enam buah sekolah menengah di seluruh negara yang terlibat dalam projek perintis mengalami tanda-tanda masalah kesihatan mental yang serius. Bilangan pelajar mengalami stres tahap tinggi adalah besar dan banyak sebab yang menjadi penyumbang kepada permasalahan pelajar dalam hal ini terutamanya sekolah, peperiksaan, keluarga dan sebagainya (Azrina Ahzan, 2011). Pelajar yang dibesarkan di dalam keluarga yang bahagia berpeluang mencapai prestasi akademik yang lebih baik kerana memiliki kesejahteraan dari segi mental, sosial dan psikologi (Ogunsile & Okunade, 2012).

Selain itu, laporan akhbar juga mendedahkan sebanyak 49 peratus atau 185 daripada 379 kes membabitkan remaja seawal usia lapan tahun lari dari rumah disebabkan mereka tidak mampu menanggung tekanan hidup. Kajian Institut Sosial Malaysia (ISM) tersebut dijalankan pada tahun 2010 terhadap 379 remaja yang pernah lari dari rumah. Hasil kajian mendapati bahawa tekanan menyumbang kepada faktor utama, diikuti 105 kes membabitkan pengaruh kawan, ingin bebas (55 kes), bergaduh dengan keluarga (41 kes), bosan (38 kes) dan 35 kes disebabkan kurang kasih sayang dan perhatian ("Tekanan keluarga," 2012). Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam laporan tersebut juga menunjukkan kes remaja lari dari rumah meningkat dengan angka mencatatkan sebanyak 4,097 remaja yang membabitkan seawal usia 13 hingga 17 tahun.

Tambahan pula, rekod hasil kajian sesi kaunseling dan seminar keibubapaan kaunselor berdaftar telah mendedahkan kira-kira lima daripada 10 remaja berusia 13

hingga 17 tahun yang bermasalah cenderung untuk lari dari rumah. Mengikut hasil kajian tersebut tindakan sedemikian berpunca daripada ikatan kekeluargaan yang rapuh berbalik kepada cara ibu bapa mendidik anak-anak. Langkah ibu bapa yang menjauhi anak-anak apabila mereka semakin meningkat remaja kerana beranggapan bahawa mereka telah mampu berdikari atau tidak mempunyai ilmu keibubapaan menyebabkan anak-anak tidak mesra dengan ibu bapa yang sepatutnya menjadi tempat rujuk anak-anak ("Lima dari 10 remaja," 2012).

Di samping itu, kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) turut mendedahkan pegangan nilai kehidupan keluarga di negara ini semakin berubah (Syed Abi Ghufuran, 2012). Antara perubahan nilai amat ketara ialah masa ibu bapa bersama anak-anak yang semakin berkurangan dan peningkatan anak-anak dijaga oleh pembantu rumah atau pusat asuhan kerana kesibukan ibu bapa bekerja. Berdasarkan laporan tersebut, semakin ramai ibu bapa yang terlalu sibuk dengan urusan kerja di luar rumah dan mengabaikan tanggungjawab yang lebih penting iaitu membentuk keperibadian anak-anak dari segi emosi dan psikologi. Maklumat ini memberi gambaran jelas bahawa masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja kini berpunca daripada kegagalan ibu bapa memberikan didikan, ajaran agama dan disiplin diri yang kukuh untuk dijadikan perisai masa depan anak-anak mereka.

Ekoran itu, laporan akhbar ada mendedahkan masalah mental membabitkan kanak-kanak berusia 15 tahun dan ke bawah semakin meningkat. Menurut laporan tersebut, tidak dapat dinafikan sistem pendidikan yang terlalu menekankan peperiksaan memberi tekanan kepada anak-anak, selain tekanan daripada ibu bapa

yang mahu anak-anak mereka mendapat keputusan cemerlang. Meskipun kedapatan ibu bapa tidak memberi tekanan kepada anak-anak mereka, namun terdapat anak-anak yang sendiri sedar bahawa ibu bapa menaruh harapan tinggi kepada mereka. Apabila gagal mereka mengambil serius akan perkara ini. Jika tidak diberikan bantuan sewajarnya, negara akan dibebani generasi yang mengalami masalah mental (“Pendidikan kesihatan mental,” 2012).

Fakta ini turut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Noor Ani Ahmad dan Nor Ba’yah Abdul Kadir (2011) untuk menentukan keberkesanan Borang Pemeriksaan Kesihatan Remaja dalam mengenal pasti masalah kesihatan mental dalam kalangan remaja. Sampel kajian ialah 106 orang remaja terpilih, iaitu 57% perempuan dan 43% lelaki. Kebanyakan remaja (71.7%) berada di peringkat pertengahan remaja (15-17 tahun), dengan 15.5% (10-14 tahun) di awal remaja dan selebihnya 13.2% (18-19 tahun) berada di peringkat remaja akhir. Berdasarkan Borang Pemeriksaan Kesihatan Remaja tersebut, 23 orang (21.7%) mempunyai masalah kebimbangan, tujuh orang responden (6.6%) mempunyai masalah kemurungan dan sembilan orang yang lain (8.5 %) adalah berisiko tinggi untuk membunuh diri. Didapati masalah kebimbangan, kemurungan dan niat membunuh diri adalah lebih tinggi dalam kalangan remaja perempuan (masing-masing 25.0%, 6.7% dan 10.0% berdasarkan jenis peringkat). Selain itu, masalah kebimbangan juga lebih tinggi dalam kalangan mereka yang berada di peringkat pertengahan remaja (23.7%), diikuti dengan golongan awal remaja.

Di samping itu, dapatan kajian lepas juga menunjukkan bahawa pencapaian akademik berkait dengan tahap motivasi pencapaian pelajar. Terdapat pelbagai faktor

yang mempengaruhi tahap motivasi pencapaian pelajar. Antaranya faktor personaliti diri dan jangkakan orang yang signifikan di sekeliling terutamanya ibu bapa. Kajian menunjukkan bahawa pencapaian akademik pelajar yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi adalah jauh lebih tinggi. Hasil kajian juga membuktikan pelajar yang mempunyai tahap motivasi yang tinggi, lebih berdaya saing dan akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamatnya (Hasan & Khalid, 2012). Justeru, motivasi mempengaruhi pertumbuhan, perkembangan diri, pembelajaran dan pencapaian individu (Nurul Ain Hamsari & Azizi Yahaya, 2012).

Oleh yang demikian, penyesuaian dilihat sebagai sumber penyelesaian masalah yang boleh menggalakkan proses intelektual seperti persepsi dan pembelajaran (Lazarus, 1991). Maka kanak-kanak yang baru berpindah sekolah, misalnya dari sekolah rendah kepada sekolah menengah perlu membuat penyesuaian diri dengan cepat dan sebaik mungkin bagi menjamin proses pembelajaran mereka berlangsung sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Sementara itu, faktor motivasi pencapaian juga didapati memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar (Hustinx, Kuyper, Van der Werf, & Dijkstra, 2009). Tahap pencapaian akademik adalah tinggi apabila motivasi pencapaian pelajar tinggi (Nor Balkish Zakaria, 2011). Pengetahuan tentang kesan tahap penyesuaian dan tahap motivasi pencapaian ke atas pencapaian akademik pelajar Tingkatan 1 dijangka dapat membantu pihak sekolah merancang program yang bersesuaian dengan pelajar-pelajar ini.

Kajian mengenai penyesuaian dengan motivasi pencapaian dan pencapaian akademik pelajar di sekolah berasrama penuh dan universiti telah banyak dijalankan

di negara ini. Namun, kajian seumpama ini yang melibatkan pelajar sekolah menengah harian adalah terhad. Keadaan ini mendorong pengkaji untuk mengkaji hubungan antara penyesuaian rumah, penyesuaian emosi dan motivasi pencapaian dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian di sekolah luar bandar.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Mengukur tahap penyesuaian pelajar Tingkatan 1.
- ii. Mengukur tahap motivasi pencapaian pelajar Tingkatan 1.
- iii. Menentukan hubungan antara penyesuaian dengan motivasi pencapaian pelajar Tingkatan 1.
- iv. Mengukur perbezaan penyesuaian mengikut jantina pelajar Tingkatan 1.
- v. Mengenal pasti perbezaan motivasi pencapaian mengikut jantina pelajar Tingkatan 1.
- vi. Mengenal pasti hubungan antara penyesuaian dengan pencapaian akademik pelajar Tingkatan 1.
- vii. Menentukan hubungan antara motivasi pencapaian dengan pencapaian akademik pelajar Tingkatan 1.